



GLOSARI

PELAN INDUK LANDSKAP MAJLIS DAERAH JERANTUT

SENARAI GLOSARI

AKSESSIBILITI

Menyediakan kawasan pembangunan beserta landskap yang mudah dikunjungi dan mudah sampai termasuk mempunyai aksesibiliti yang baik kepada kemudahan pengangkutan awam dan golongan kurang upaya.

AKUAKULTUR

Penternakan atau pemeliharaan hidupan laut sama ada haiwan atau tumbuhan untuk kegunaan dan makanan manusia.

ALAM SEKITAR

Faktor fizikal di sekeliling manusia termasuk air, tanah, sungai, atmosfera, iklim, bau, rasa, dan faktor-faktor sosial bagi keindahan (Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974)

ARKITEK LANDSKAP

Merupakan satu profesion yang terlibat secara langsung di dalam memberi perkhidmatan professional dalam pembangunan landskap bermula daripada peringkat perancangan, rekabentuk, pelaksanaan dan pengurusan setiap projek pembangunan.

BADAN AIR

Kawasan tampungan air yang besar seperti sungai, tasik atau empangan

BANDAR

Kawasan petempatan dengan saiz penduduk yang melebihi 10,000 orang

BERWAWASAN

Mewujudkan bandar yang bermatlamat. Pembangunan landskap yang jelas dan mampu memupuk perpaduan yang jitu di kalangan masyarakat setempat dan pelancong asing.

BUDAYA

Perkataan budaya berasal dari Sanskerta iaitu 'budhayah' yang terbentuk dari kata jamak buddiyan yang bererti budi atau akal. Dengan kata lain kebudayaan mencukupi segala yang berkaitan dengan akal dan ia juga lahir hasil dari pola perlakuan sistem sosial, pemikiran, peralatan yang didorong oleh sekelompok manusia seperti bangsa atau kaum. Cara hidup masyarakat akan mencorakkan budaya mereka sendiri dan diajar serta diwariskan kepada generasi berikutnya.

ESTATIK, Pemandangan yang Cantik, Bersih dan Ceria

Kebersihan perlu diterapkan dalam perancangan rekabentuk tanah lapang dan rekreasi. Rekabentuk yang menghindari ancaman dan pencemaran mampu mewujudkan persekitaran berkualiti, ceria dan sentiasa mempunyai nilai estatika yang tinggi.

FLORA DAN FAUNA

Penggunaan sumber asli flora dan fauna dalam perancangan dan rekabentuk adalah penting dalam merealisasikan, manifestasi dan mewujudkan taman yang indah serta sebagai mensyukuri pemberian tuhan. Menggalakkan pengekalan ciri-ciri persekitaran semulajadi

untuk tidak menjejaskan kualiti alam sekitar terutama sekali dalam perancangan pembangunan

HUTAN SIMPAN

Hutan yang segala tumbuhannya tidak boleh diambil atau ditebang tanpa kebenaran pihak bertanggungjawab bagi tujuan kajian sains dan tempat istirehat manusia. Bagi menjamin pengekalan hutan simpan ini dari dicerobohi, ianya perlu diwartakan oleh kerajaan negeri.

KAWASAN AWAM

Kawasan yang digunakan oleh pengunjung seperti taman awam, jalanraya, kawasan lapang, taman mini yang dikawal selia oleh agensi kerajaan.

KAWASAN HIJAU

Kawasan yang tidak dibina sebarang struktur bangunan dan ditumbuhi pokok-pokok atau rumput. Kawawasan ini juga meliputi kawasan rekreasi zon penampunan dan lain-lain.

KAWASAN SENSITIF ALAM SEKITAR

Kawasan yang meliputi kawasan hutan simpan, rizab hidupan liar, empangan dan takat air, mini hidroelektrik, penyimpangan sungai, kawasan rekreasi, tapak monument dan arkeologi, kawasan berbukit, bercerun curam, kawasan pesisiran pantai dan paya bakau di mana ia adalah kawasan-kawasan yang kritikal membolehkan pertimbangan yang khusus diberi semasa perancangan.

KEBUDAYAAN

Keseluruhan cara hidup masyarakat seperti ilmu pengetahuan, kepercayaan, seni, undang-undang moral, adat istiadat serta beberapa kemahiran yang biasanya individu dalam sesebuah masyarakat seperti Janis pekerjaan, perayaan, seni tarian, seni ukiran, dan seni pertukangan, seni anyaman, pertuturan, makanan dan sebagainya.

KOLAM TAKUNGAN

Kolam yang digunakan untuk menahan air bagi beberapa jam supaya saluran perparitan dan sungai sempat mengalirkan air larian permukaan (*surface run-off*) ke lautan.

LANDSKAP

Satu pemandangan luaran yang dihasilkan secara semulajadi atau buatan dan ia merangkumi aktiviti pengekalan alam semulajadi dan pengwujudan persekitaran hidup melalui gabungan landskap lembut dan landskap kejur.

LANDSKAP DESA

Landskap di kawasan luar bandar merangkumi kawasan binaan yang berkepadatan rendah serta berasaskan alam persekitaran yang dipengaruhi oleh aktiviti sosio ekonomi dan budaya setempat.

LANDSKAP KEJUR

Meliputi unsure-unsur binaan seperti siar kaki, tempat duduk, wakaf, pergola, tong sampah, papan tanda, lampu, arca dan elemen fokal yang lain.

LANDSKAP LEMBUT

Merujuk kepada unsure-unsur tanaman sama ada pokok utama, palma, renek, memanjat, herba atau penutup bumi.

LANDSKAP PERBANDARAN

Landskap di kawasan perbandaran yang menjadi tumpuan kepada pelbagai aktiviti ekonomi dan sosio budaya setempat. Ia merangkumi ruang landskap di kawasan penempatan yang terdiri daripada perumahan, kawasan komersial, institusi serta perindustrian.

LANDSKAP SEMULAJADI

Landskap yang terzahir daripada proses semulajadi.

LINGKARAN HIJAU/ JARINGAN HIJAU

Satu kawasan yang mengelilingi sesebuah bandar yang telah diwartakan dengan tujuan menghadkan perkembangan bandar atau kawasan tersebut.

MAMPAN

Mampu mengekalkan pencapaian ataupun prestasi yang baik.

MESRA ALAM

Proses, produk dan kemudahan yang disediakan tidak merosakkan persekitaran/ alam sekitar.

MESRA PENGGUNA (USER FRIENDLY)

Proses produk dan kemudahan yang disediakan tidak menyukarkan pengguna yang menggunakannya.

NILAI ESTATIK

Nilai keindahan atau kecantikan sesuatu objek. Merujuk kepada nilai keindahan yang terdapat pada bangunan-bangunan lama.

PELAN INDUK LANDSKAP

Merupakan satu pelan tindakan jangka panjang yang komprehensif dalam aspek perlandskapan, penyediaan kawasan lapang dan taman-taman awam. Ianya merupakan satu rangka tindakan yang perlu dilaksanakan oleh setiap agensi pelaksana disebabkan oleh penyediaan dan pelaksanaan cadangan yang dikemukakan adalah penting dalam mencapai hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai Taman Negara Terindah menjelang 2020.

PELAN KONSEP

Lakaran yang menunjukkan cadangan zon pembangunan secara umum meliputi gunatanah dan sistem sirkulasi.

PELAN LANDSKAP

Pelan yang menunjukkan elemen-elemen lembut dan kejur.

PEMASJUAN SEMULA

Dilakukan untuk menggantikan medium yang kurang subur dan pasu yang tidak sesuai dengan pertumbuhan pokok. Medium dan pasu baru yang disediakan akan memberikeadaan yang baik untuk pertumbuhan pokok bagi mendapatkan nutrient, air dan pengudaraan akar.

PEMBANGUNAN

Sebarang pemajuan tanah yang melibatkan aktiviti pembinaan infrastruktur dan apa-apa struktur serta sebarang perbuatan yang berkaitan atau mengganggu keadaan semulajadi tanah.

PEMBANGUNAN MAMPAN (LESTARI)

Pembangunan yang membolehkan generasi semasa memenuhi keperluan tanpa mengkompromikan kemampuan generasi akan datang memenuhi keperluan mereka di mana pembangunan yang dilaksanakan menjamin terhadap keseimbangan perlindungan alam sekitar serta kesejahteraan sosio ekonomi.

PEMELIHARAAN

erbuatan memelihara, pembelaan, perawatan, penjagaan (pengolahan, penyelenggaraan) penyelamatan bertujuan untuk memberhentikan kemerosotan lanjut, reput atau keadaan usang dan menyediakan struktur yang selamat dan

kukuh tetapi tidak mengjangkakan pembangunan semula yang penting.

PEMULIHARAAN

Pemeliharaan, pembaikpulihan, pembinaan semula, pemulihan dan penyesuaian atau mana-mana gabungannya.

PENGIJAUAN DAN BADAN AIR

Penekanan kepada kehijauan dan penggunaan pelbagai bentuk badan air serta elemen rekabentuk yang lain mampu menonjolkan keindahan alam semulajadi dan buatan perlu dipastikan dalam usaha mewujudkan satu persekitaran yang lengkap.

PENGEKALAN

Perihal mengekalkan, pemeliharaan supaya berterusan

PENGURUSAN DAN PENYELENGGARAAN LANDSKAP

Program dan aktiviti yang berkaitan dengan pengurusan dan penyelenggaraan landskap bagi memastikan segala aspek yang berkaitan dengan pembangunan landskap mampan.

PENUTUP BUMI

Pokok kecil yang digunakan sebagai tanaman pokok hiasan selain daripada rumput.

PERABOT JALAN

Struktur binaan atau elemen yang disediakan di jalan dan sekitar jalan untuk kemudahan awam. Bahan-bahan binaan yang terdapat di dalam rizab jalan seperti papan tanda, jejambat, pintu gerbang dan lain-lain.

PERUNDANGAN LANDSKAP

Suatu pernyataan bertulis yang digubal melalui peruntukan perundangan bagi mengawal selia semua aktiviti yang berkaitan dengan pembangunan landskap.

POKOK

Tumbuhan individu dan tanaman kekal yang dalam keadaan biasa tahan hidup bertahun-tahun di atas muka bumi ditanam atau tumbuh secara individu di mana-mana lokasi serta mudah dikenal pasti mengikut saiz, umur dan spesis masing-masing.

POKOK-POKOK

Satu kumpulan dua atau lebih pokok dari spesis yang sama yang tumbuh berdekatan antara satu sama lain atau di dalam bentuk berbaris dan teratur.

POKOK RENEK

Tumbuhan berbatang kayu yang banyak mengeluarkan batang dan dahan serta ranting dari bahagian pangkal. Ketinggian keseluruhan pokok renek di antara 150mm-1000mm.

POKOK PINGGIRAN JALAN

Pokok-pokok yang ditanam di tepian jalan dan pembahagi jalan, jalan utama, jalan susur, lebuhraya, jalanraya di bawah kawal selia Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan swasta.

PULIHARA

Memulihara memulihkan serta memelihara (menjaga dsb), melindungi sesuatu supaya sentiasa berada dalam keadaan yang baik.

PBT

Pihak Berkuasa Tempatan

REKREASI

Aktiviti seseorang untuk berehat dan bersuka ria semasa lapang termasuklah bermain, bergembira dan apa-apa aktiviti semasa kelepasan.

REKREASI AKTIF

Merupakan aktiviti yang melibatkan penggunaan tenaga fizikal dan fikiran manusia seperti bersukan, berjogging dan sebagainya. Biasanya ia melibatkan penggunaan tempat seperti penggunaan gelanggang, padang dan dewan.

REKREASI PASIF

Merupakan aktiviti yang tidak melibatkan penggunaan tenaga fizikal. Ia bertujuan untuk menenangkan atau merehatkan fikiran dan emosi.

RIZAB LANDSKAP

Tanah simpanan ataupun tanah rizab yang disediakan untuk pembangunan landskap di kawasan-kawasan bandar yang melibatkan kawasan-kawasan tanah yang terhad.

SENIBINA LANDSKAP

Bidang yang menggabungkan seni dan sains dalam mewujudkan persekitaran luar yang seimbang di antara keperluan manusia dan alam semulajadi. Ia melibatkan manipulasi elemen dan sumber landskap secara bijaksana bagi menghasilkan landskap yang berfungsi, menarik dan selesa digunakan.

SISTEMATIK

Pewujudan kawasan pembangunan landskap dan rekreasi yang sistematik dan mengambil kira kehendak sebenar pengguna serta mengimbangkannya dengan alam sekitar.

TAMAN

Membuat aktiviti riadah untuk beriadah.

TAMAN AWAM

Mana-mana taman bunga, kawasan lapang, siar kaki, taman rekreasi atau hiburan atau padang permainan, bulatan dan lalu lintas, batasan tengah sepanjang jalan, tanah rizab di sisi jalan, tebing sungai atau sebarang taman lain yang diselenggara oleh majlis dan boleh di akses oleh orang ramai secara percuma.

TANAMAN LANDSKAP

Penanaman secara komprehensif bertujuan meninggikan nilai landskap.

TANAH LAPANG/ KAWASAN LAPANG

Mana-mana tanah sama ada dikepong atau tidak yang dikhaskan dan dirizabkan untuk dikhaskan keseluruhannya atau sebahagiannya sebagai sesuatu taman bunga awam, tempat makan angin awam, tempat jalan kaki awam atau sesuatu tempat awam.

TASIK

Satu kawasan permukaan bumi yang ditakungi air seluas satu hektar atau lebih dengan pelbagai kedalaman yang secara umumnya mengandungi nutrient yang mampu membiakkan hidupan air untuk faedah sosio ekonomi dan rekreasi masyarakat setempat.

TOPOGRAFI

Bentuk rupa bumi tapak, dibentuk oleh tanah tinggi, curam, sungai, sumber alur sungai, paya, pesisiran pantai dan lembangan sungai yang mempunyai nilai-nilai estatika yang tersendiri.

UNSUR-UNSUR ASLI

Termasuk tumbuh-tumbuhan, air, batu-batan, gunung-ganang, bukit bukau dan rupa bentuk bumi.

UNSUR-UNSUR BINAAN

Meliputi struktur-struktur dan bangunan-bangunan yang menjadi keperluan kepada pengguna.

VISUAL LANDSKAP (PEMANDANGAN LANDSKAP)

Pemandangan landskap yang mempunyai nilai dan keistimewaan tersendiri. Menjadikan sesebuah kawasan itu unik dengan karektor yang tersendiri.

ZON PENAMPAN

Satu kawasan lapang pada kelebaran tertentu yang disediakan atau bahagian yang memisahkan antara dua atau lebih gunatanah, bagi menghalang kesan aktiviti gunatanah di antara satu sama lain yang bercanggah dengan pertimbangan alam sekitar dan perlindungan keselamatan.

NOTA:

Semua glosari berdasarkan definisi dari:

1. Garis Panduan Landskap Negara
2. Dasar dan Garis Panduan Tanah Lapang dan Rekreasi Negeri Selangor
3. Glosari Perancangan Bandar
4. Draf Dasar Landskap Negara